

Amarawathy akhirnya bertemu penyelamat anjing jadi viral

Oleh Mazizul Dani
mazizul@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

"Saya tak tahu apa nak cakap. Terima dan nak ucap ribuan terima kasih kepada Anis Hidayah," kata P Amarawathy, 31, pemilik anjing jantan yang mati dilanggar motosikal di Jalan Klang-Banting, dua minggu lalu.

Video Anis Hidayah Mohd Taufik, 34, yang menyelamatkan anjing milik keluarga Amarawathy yang dipanggil Boboi itu viral di Facebook (FB).

"Adik dan adik ipar saya memang nak sangat jumpa dia kerana mereka berdua paling rapat dengan Boboi," kata Amarawathy.

Menurutnya, dia menyedari anjingnya diselamatkan Anis Hidayah selepas melihat video yang viral di FB pada hari kedua kejadian.

"Mulanya kami tahu di FB dan kemudian tersiar di muka depan akhbar Harian Metro, Rabu, 16 Mac. Sejak itu, kami sekeluarga cuba mencari Anis untuk ucapkan terima kasih. Nasib baik, saya dapat hubungi



Terima kasih Anis Hidayah!

PEMLIK anjing yang mati dilanggar bertemu Anis yang viral ketika cuba menyelamatkan haiwan berkenaan.



dia menerusi Harian Metro," katanya.

Dia dan dua ahli keluarganya itu bertemu Anis Hidayah di restoran makanan segera di Teluk Panglima Garang atas Harian Metro, Sabtu lalu.

Keluarga itu turut memberikan hamper kepada Anis Hidayah sebagai tanda penghargaan.

Amarawathy yang mene-

tap di Taman Jaya Utama, Teluk Panglima Garang, ketika ditemui sedih apabila bercerita mengenai anjing berusia dua tahun itu yang dianggap seperti keluarga.

"Kami kehilangan ahli keluarga, daripada lapan kini tinggal tujuh saja," katanya.

Menurutnya, adiknya, A Muthu Chandran, 25 dan adik ipar, B Krishnayani, 24, sampai sekarang tidak lalu makan teringatkan Boboi.

"Ketika hari kejadian, ayah saya bawa Boboi keluar ja-

lan-jalan dan dia terlepas daripada ikatan di pagar rumah. Kami cari dia sekeliling kawasan rumah tapi tidak jumpa. Kemudian ada orang beritahu ada anjing mati di jalan besar kawasan rumah," katanya.

Amarawathy berkata, Boboi dihidiahkan kepada adiknya, Muthu Chandran sempena hari lahir ke-23 ketika anjing itu masih kecil.

Sementara itu, Anis Hidayah berkata, dia bersyukur kerana dapat bertemu dengan keluarga Amarawathy.

FAKTA
Anjing yang dilanggar motosikal milik keluarga Amarawathy dipanggil Boboi

